

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Peruntukan RM660 juta biayai tujuh dana R,D&C	Utusan Sarawak
2.	1,168 projek R,D&C di lulus dalam pelan pelaksanaan ketiga RMK-10	Bernamea.com
3.	MOSTI lulus 1,168 projek untuk semarakkan inovasi	Borneo Post
4.	Enam projek bioekonomi dibangun	Borneo Post
5.	Sesi dialog bersama Menteri MOSTI	Utusan Malaysia
6.	Ewon: Sarawak can be major player in science, technology	Borneo Post
7.	Towards increasing international competitiveness	New Sarawak Tribune

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN SARAWAK : MUKA SURAT 8  
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)**

## Peruntukan RM660 juta biayai tujuh dana R,D&C

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Jumaat - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menawarkan tujuh dana yang menjurus kepada keperluan memenuhi rantai Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (RD&C) dengan peruntukan sebanyak RM660 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) sehingga Rancangan Boleh Pinda (2012/2013).

Menterinya Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, dana-dana tersebut ialah dana sains, dana pra-

pengkomersialan, pengkomersialan penyelidikan, dana pembangunan dan dana penggunaan teknologi.

Menurutnya, sehingga 31 Ogos tahun ini sebanyak 1,168 projek telah diluluskan dengan nilai RM474.35 juta.

"Semasa RMK-9 sebanyak 95 projek telah diluluskan di Sarawak dengan jumlah RM44.14 juta, daripada itu pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah diluluskan sebanyak 39 projek dengan pembiayaan sebanyak RM6.25 juta.

"Sebanyak 15 projek berjum-

lah RM2.32 juta telah diluluskan dalam RMK-10 di Sarawak, secara keseluruhannya enam projek telah diluluskan kepada UNIMAS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.12 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Sesi Dialog Menteri MOSTI Bersama Penerima dan Pemohon Dana Serta Taklimat Mengenai Dana MOSTI Peringkat Zon Sarawak di dewan De'Tar Putra UNIMAS hari ini.

Katanya, antara projek yang berjaya disempurnakan dan mempunyai produk yang ber-

jaya dikomersialkan di bawah pembiayaan RMK-9 ialah Raptor System dan Skoljd System yang dihasilkan oleh Syarikat Beta Factors Sdn Bhd melalui pembiayaan dana techno berjumlah RM4.5 juta.

"Produk yang dihasilkan ini membolehkan penjimatan penggunaan tenaga elektrik antara 30 peratus hingga 50 peratus," ujarnya.

Beliau berkata, satu lagi projek yang telah berjaya disempurnakan dan dikomersialkan adalah pellet untuk menghasilkan makanan haiwan oleh Syarikat Q1 Palm Pellet Sdn

Bhd.

"Pellet makanan haiwan ini dihasilkan dengan menggunakan bahan buangan daripada kelapa sawit serta mempunyai potensi untuk menggantikan makanan haiwan konvensional yang sedia digunakan pada masa sekarang serta berupaya menjana tenaga," katanya.

Menurutnya lagi, Sarawak mempunyai potensi yang menarik untuk menjadi salah satu penyumbang utama dalam bidang sains dan teknologi.

Katanya, ini adalah kerana negeri Sarawak yang kaya dengan sumber alam semula jadi

serta flora dan fauna menjadi salah satu lokasi tumpuan untuk pelaksanaan program-program MOSTI.

"Kemudahan semula jadi ini mewujudkan keupayaan serta peluang untuk melaksanakan pelbagai program MOSTI.

"Antara bidang yang menjadi tumpuan adalah bidang tenaga boleh diperbaharui, sebagai contoh pemasangan sistem pencahayaan yang dijana oleh tenaga boleh diperbaharui sistem solar PV dan turbin angin untuk Tebingan Kuching dan Tanjung Manis Sarawak telah dibiayai oleh MOSTI," katanya,

Katanya, tujuan projek itu adalah untuk memperkenalkan dan mengguna tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan kincir angin untuk menjana elektrik untuk kegunaan lampu jalan dan lampu taman di Sarawak.

"Di samping itu, ia juga boleh meningkatkan pendidikan, kefahaman dan keinginan masyarakat setempat untuk menerokai dan mengambil bahagian dalam pengembangan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui," katanya.



## 1,168 Projek RD&C Dilulus Dalam Pelan Pelaksanaan Ketiga RMK-10

SAMARAHAN (Sarawak), 13 Sept (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) meluluskan 1,168 projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (RD&C) bernilai RM474.35 juta mengikut Pelan Pelaksanaan Ketiga Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Menterinya, Datuk Dr Ewon Ebin Jumaat berkata projek ini dibiayai di bawah tujuh buah dana yang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan rantaian RD&C negara.

"Dana itu ialah Dana Sains, Dana Pra-Pengkomersialan, Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan serta Dana Pemerolehan Teknologi," katanya semasa berucap pada sesi dialog dan taklimat mengenai dana Mosti di Universiti Malaysia Sarawak di sini Jumaat.

Beliau berkata mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sebanyak 3,452 projek RD&C berjaya disiapkan daripada 4,474 projek yang diluluskan.

"Sehingga 31 Ogos 2013, daripada sejumlah RM2.9 bilion peruntukan yang disalurkan untuk membiayai projek RD&C, sejumlah RM2.3 bilion nilai jualan telah diperoleh," katanya.

Sementara itu bagi Sarawak, Dr Ewon berkata 15 projek RD&C bernilai RM2.32 juta telah diluluskan mengikut RMK-10 setakat ini.

"Semasa RMK-9, sebanyak 95 projek telah diluluskan di Sarawak dengan jumlah RM44.14 juta," katanya.

Beliau berkata antara projek yang berjaya dikomersialkan dari negeri ini termasuklah penghasilan produk Raptor System yang mampu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sehingga 50 peratus dan produk makanan haiwan yang dihasilkan menggunakan bahan buangan kelapa sawit.

Menurutnya Sarawak berpotensi menjadi penyumbang utama dalam bidang sains dan teknologi memandangkan negeri ini kaya dengan sumber alam semula jadi.

"Kemudahan semula jadi ini mewujudkan keupayaan serta peluang untuk melaksanakan pelbagai program Mosti," katanya.



KERATAN AKHBAR  
BORNEO POST  
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)



## **MOSTI lulus 1,168 projek untuk semarakkan inovasi**

KOTA SAMARAHAN: **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** meluluskan 1,168 projek dalam dana pembiayaan Fasa Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (R, D&C) dengan nilai RM474.35 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), 2011-2015.

Menterinya **Datuk Dr Ewon Ebin** berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 15 projek bernilai RM2.32 juta telah diluluskan di Sarawak.

Menurutnya, MOSTI menawarkan tujuh dana sains yang menjurus kepada keperluan rangkaian R, D&C dengan peruntukan sebanyak RM660 juta.

“Bagi meneruskan kesinambungan pembiayaan dana R, D&C di bawah RMK10, sehingga Rolling Plan Ketiga 2012 hingga 2013, setakat 31 Ogos lalu, sebanyak 1,168 projek telah diluluskan dengan nilai RM474.35 juta.

“Manakala sebanyak 15 projek berjumlah RM2.32 juta telah diluluskan di Sarawak secara keseluruhan dan daripada jumlah itu enam projek diluluskan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.12 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi dialog Menteri MOSTI bersama penerima dan pemohon dana R, D&C bagi Zon Sarawak di DeTAR PUTRA, UNIMAS di sini semalam.

Jelasnya, antara tujuh dana itu ialah Dana Sains, Dana Pra-Pengkomersilan, Dana Pembangunan dan Penyelidikan Pengkomersilan dan Technology Acquisition Fund (TAF).

Ewon memberitahu, pembiayaan dalam bentuk dana atau geran R, D&C itu bertujuan meningkatkan pertumbuhan dan menyemarakkan budaya inovasi.

Beliau menjelaskan di bawah RMK9, sejumlah 4,474 projek telah diluluskan melalui dana R, D&C dan daripada jumlah tersebut sebanyak 3,452 projek berjaya disiapkan manakala selebihnya di pelbagai peringkat pelaksanaan.

“Untuk makluman semasa RMK9 sebanyak 95 projek telah diluluskan di Sarawak dengan jumlah RM44.14 juta dan daripada jumlah itu UNIMAS mendapat kelulusan sebanyak 39 projek dengan pembiayaan bernilai RM6.25 juta,” tambahnya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, sehingga 31 Ogos lalu, daripada sejumlah RM2.9 bilion peruntukan yang disalurkan untuk membiayai projek R, D&C oleh MOSTI dan agensi, sejumlah RM2.3 bilion nilai jualan telah diperolehi.

Di samping itu, jelasnya, sebanyak 313 projek telah dikomersilkan daripada 1,288 projek yang berpotensi yang mana 14,320 peluang pekerjaan berjaya diwujudkan.

“Golongan sasaran bagi program ini adalah komuniti luar bandar dan bandar yang terdiri daripada warga kurang upaya, ibu tunggal, warga emas, Orang Asli, golongan belia dan industri kecil dan sederhana (IKS).

“Antara kejayaan hasil daripada projek ini di Sarawak ialah projek Tukun Inovasi Mesra Alam di Kapit yang telah berjaya menjana ekonomi komuniti setempat,” ujarnya.

Justeru, beliau berharap dengan penganjuran sesi dialog itu, ia dapat membantu penerima dan pemohon dana MOSTI selain menambah baik sistem pengurusan dana sedia ada

**KERATAN AKHBAR  
BORNEO POST  
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)**



## **Enam projek bioekonomi dibangun**

Posted on [September 14, 2013, Saturday](#)

KOTA SAMARAHAN: **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** mengenal pasti enam projek untuk dibangunkan sebagai projek bioekonomi di negeri ini.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin** berkata, Sarawak mempunyai potensi yang menarik untuk menjadi salah satu penyumbang utama dalam bidang sains dan teknologi.

“Selain pembiayaan dana oleh MOSTI, terdapat juga beberapa projek di bawah agensi MOSTI yang telah dilaksanakan di Sarawak, antaranya Projek Jabatan Meteorologi Malaysia iaitu projek meningkatkan sistem amaran awal tsunami kebangsaan yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia kesembilan dan kesepuluh.

“Pada tahun ini, sebanyak enam projek telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai projek bioekonomi di Sarawak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi dialog Menteri MOSTI bersama penerima dan pemohon dana Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (R, D&C) bagi Zon Sarawak di DeTAR PUTRA, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, semalam.

Ewon menjelaskan antara enam projek itu, pengekstrakan bernilai tinggi pelbagai buahan dan bunga, Beras Pra-Bercambah yang dilaksanakan Pusat Biodiversiti Sarawak, biobaja dari kilang minyak sawit (Biotech Alliance International Sdn Bhd) dan Pengeluaran Komersial PHA, PLA & PHA dan bioplastik (SIRIM).

Tambahnya dua lagi projek bioekonomi itu ialah perladangan bersepadu nanas serta sagu yang dijalankan Biotechnology Diversified Industries Sdn Bhd dan projek menukar sisa pertanian kepada produk bernilai berasaskan kompos, dilaksanakan CMS Agrotech Sdn Bhd.

“Jika projek ini dilaksanakan sepenuhnya ia dijangka dapat menjana pendapatan negara kasar (PNK) pada 2020 sebanyak RM887.4 juta,” katanya lagi.

Ewon berkata, bidang akuakultur juga merupakan satu bidang yang mempunyai potensi tinggi untuk dibangunkan di Sarawak.



Justeru, katanya, MOSTI terlibat dengan pelaksanaan projek yang memberi impak dan nilai tambah kepada bidang itu seperti projek pembangunan Pusat Penyelidikan Empurau.

“Kita bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan dan Pengeluaran Ikan Peribumi Sarawak bagi melaksanakan projek ini,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau memberitahu MOSTI juga mengadakan program penggalakan dan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi di Sarawak yang mana MOSTI mengenal pasti lapan program untuk dilaksanakan di negeri ini.

“Bermula pada 25 Februari sehingga 9 September lalu, sebanyak tujuh program telah dilaksanakan di sini,” jelasnya.

Selain itu, katanya, MOSTI bersama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) menerusi Program Jejak Inovasi turut menjejak produk inovasi yang dihasilkan di negeri ini.

Antara produk itu ialah ikan terubuk pindang yang menjadi makanan tradisional Sarawak dan produk tabung gas pengdingin hawa pelbagai guna, jelasnya.

“Keprihatinan kerajaan dalam menyediakan pelbagai peluang meningkatkan taraf hidup rakyat perlu dihargai supaya negara tidak terpinggir dari bersaing negara di arena antarabangsa,” ujarnya.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)**



## **Sesi dialog bersama Menteri MOSTI**

KUCHING 13 Sept. — **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** mengadakan sesi dialog bersama Menteri membabitkan penerima dan pemohon serta taklimat dana kementerian untuk zon Sarawak.

Sesi ini merupakan sesi kedua di dalam siri taklimat yang telah dirancang pada tahun ini yang bertujuan menyediakan platform kepada **Menteri MOSTI, Datuk Dr. Ewon Ebin** untuk bertemu dengan bakal pemohon, penerima geran dan koordinator penyelidikan dana kementerian.

Menurut kenyataan hari ini, sebelum sesi dialog bermula, satu sesi taklimat mengenai dana MOSTI telah diadakan yang disampaikan oleh pegawai daripada Seksyen Dana, Bahagian Perancangan, MOSTI, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) serta Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

"Tujuan taklimat tersebut adalah untuk memberi penjelasan kepada semua hadirin tentang dana-dana yang ditawarkan oleh MOSTI serta agensi-agensinya," kata kenyataan itu hari ini.



KERATAN AKHBAR  
BORNEO POST  
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)

**BORNEO POST** *online*  
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

## Ewon: Sarawak can be major player in science, technology



WE ARE SERIOUS ABOUT IT: Ewon (centre) answering queries from the floor during the dialogue session. — Photo by Chimon Upon

KOTA SAMARAHAN: Sarawak has great potential to be one of the major players in the development of science and technology in the country.

In saying this, **Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr Ewon Ebin** explained this was because the state was rich in natural resources which would be crucial to the ministry's (Mosti) programmes.

“One of the biggest potential in Sarawak is the development of renewable energy and via my discussion with the Chief Minister on Thursday, I know that the state government is very serious about it,” he said.

He said this in his opening address during a dialogue session with the recipients and applicants of Mosti grants for Sarawak at Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) near here yesterday.

Apart from renewable energy, he said, another area that could also be explored was the state's marine resources and for this, his ministry had implemented a few projects that were expected to add value to the aquaculture and bio-economy in the state.

“Among them is the development of the Empurau Resource Centre in collaboration with Indigenous Fish Research and Production Centre (IFRPC) Sarawak. Another project involved Unimas – a pilot project to scale high speed fermentation of ethanol for fuel from sago utilising the Ishizaki process – it has successfully opened up a new field that promises good returns from the waste of sago processing.

“Apart from that, Unimas is also involved in other projects including isolation and characterisation of ADH gene and applications of genomics to acacia mangium plus trees (super bulk) and acacia hybrid trees for better wood quality,” he added.

This year, Mosti was focusing on six bio-economy projects in the state with two being carried out by Sarawak Biodiversity Centre and the remaining involving Biotech Alliance International Sdn Bhd, Sirim, Biotechnology Diversified Industries Sdn Bhd and CMS Agrotech Sdn Bhd, he noted.

“If all these projects are fully implemented, they are expected to generate RM887.4 million to the national gross income by year 2020,” Dr Ewon pointed out.

Under the 9th Malaysia Plan (9MP), Mosti approved 95 projects, mostly related to research and development (R&D) involving total grants of RM44.14 million with 39 projects being carried out by Unimas at a cost of RM6.25 million, he elaborated.

“Under the 10MP, 15 projects costing RM2.32 million had been approved in Sarawak out of which six projects were approved for Unimas involving a total allocation of RM1.12 million,” he added.

He also highlighted that the ministry had launched a series of programmes to promote a culture of science, technology and innovation throughout the nation including Sarawak.

For this year, they have identified eight programmes to be launched in the state and from February until this month, seven have been carried out such as an intellectual property workshop, a Myideas workshop, Excellent Shoot, Training of Trainers, Science4U Carnival, Chemical Go Rural and Sarawak Science Village while a debate competition on the safety of ICT will be held from Sept 26 to 27.



KERATAN AKHBAR  
NEW SARAWAK TRIBUNE  
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2013 (SABTU)

# New Sarawak Tribune

## Towards increasing international competitiveness

By : Doreen Ling

Date Posted : Saturday 14-Sep-2013

**KOTA SAMARAHAN:** The government's thoughtfulness in providing funds to encourage the growth of Research & Development (R&D) as well as innovation to increase competitiveness and economic growth is only half the step taken unless effort is taken to increase the country's competitive level to an international level, said **Minister of Science, Technology, and Innovation Datuk Dr Ewon Ebin.**

"Therefore, the roles of those as researchers and inventors are important in ensuring that Research, Development, & Commercialisation (R, D & C) activities in the country will remain vibrant and help boost Malaysia to become a more developed country," he said.

This was said during the dialogue session with the recipients and applicants of funds from the Ministry of **Science, Technology, and Innovation (MOSTI)** at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) here on Friday.

"Sarawak has the potential to become one of the main contributors in the science and technology field. This is because Sarawak is rich with natural resources.

"This creates the opportunity to implement a lot of programmes by MOSTI and one of the fields that has become its focus is renewable energy," he said.

The Minister said that by doing this, it does not only utilise renewable energy, but it can also increase the awareness and understanding of the community to venture into and take part in the usage of renewable energy.

"MOSTI has also held programmes to encourage the growth of science, technology, and innovation (STI) in Sarawak with the purpose of giving exposure to science and technology.

"To make these programmes a reality, MOSTI has the role of preparing finances in the form of funds or grants to increase the growth of activities related to R, D, & C," he said.



Ebin added that to continue funding for R, D & C, under the 10th Malaysia Plan (2011-2015), until the Rolling Plan 3 (2012/2013), the ministry has offered 7 funding that leads to needs of fulfilling the R, D, & C with an allocation of RM660 million.

He also said that these funds are Science fund, pre-commercialisation fund, Commercialisation of Research & Development Fund (CRDF), and Technology Acquisition Fund (TAF).

By 31 August 2013, up to 1,168 projects have been approved with a collective worth of RM474.35 million.

Also present were UNIMAS Vice Chancellor Prof Dato' Dr Mohd Kadim Suaidi, UNIMAS Deputy Vice Chancellor Prof Dr Peter Songan, MOSTI Secretary-General Dato' Dr Rosli Mohamed, and other honourable guests.